

Daftar perkahwinan di JPN?

Apakah yang terlintas dalam fikiran anda apabila sebut sahaja tentang Jabatan pendaftaran Negara (JPN)? Biasanya, jawapan popular yang sering kita dengar daripada masyarakat, sama ada “kad pengenalan”, mahupun “sijil kelahiran”. Namun, tahukah anda sebenarnya jabatan ini juga bertanggungjawab merekod dan mendaftarkan setiap perkahwinan yang berlaku di negara kita?

Jabatan yang merupakan agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri ini bukan setakat merekod kelahiran dan mengeluarkan kad pengenalan semata-mata, malah lebih daripada itu! Antaranya termasuklah menyediakan perkhidmatan pendaftaran perkahwinan dan mengemaskini status perceraian.

Adapun begitu, jangan keliru! JPN hanya berperanan untuk mendaftarkan perkahwinan pasangan bukan Islam sahaja, meliputi warganegara dan juga bukan warganegara. Secara umumnya, selagi perkahwinan itu berlaku di Malaysia, perkahwinan tersebut perlulah didaftarkan di JPN. Pendek kata, jika masyarakat Islam memerlukan ‘tok kadi’ untuk bernikah, mereka yang bukan Islam pula perlukan JPN untuk berkahwin.

Berbeza dengan masyarakat Islam yang ingin mendirikan rumah tangga, mereka perlu merujuk pejabat agama Islam di negeri masing-masing untuk proses pendaftaran perkahwinan tanpa perlu melalui JPN. Jadi, berhentilah menghubungi JPN sekiranya anda seorang Muslim yang ingin berkahwin.

Menurut statistik yang dikeluarkan JPN sehingga bulan Mei yang lalu, sejumlah 58,190 pasangan telah mendaftarkan perkahwinan menerusi perkhidmatan kaunter JPN. Perkhidmatan pendaftaran perkahwinan di JPN ini mula berkuat kuasa sejak 1 Mac 1982 berdasarkan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Sehubungan dengan itu, perkahwinan yang mengikut kelaziman adat atau sesuatu kaum tidak lagi diiktiraf di negara kita selepas penguatkuasaan tarikh tersebut. Jika ada pasangan yang berkahwin secara adat selepas tarikh ini, pengantin itu perlulah berkahwin semula mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh JPN atau mendapatkan perintah mahkamah bagi mengesahkan status perkahwinan adat.

Walau bagaimanapun, perkara ini dikecualikan kepada anak peribumi Sabah dan Sarawak serta Orang Asli Semenanjung. Mereka diberikan kebebasan untuk memilih sama ada mendaftarkan perkahwinan mengikut peraturan ini ataupun mengikut Undang-undang Anak Negeri atau Adat Orang Asli. Mereka yang memilih untuk berkahwin di bawah adat-istiadat masing-masing ini boleh mendaftarkan perkahwinan adat tersebut di bawah Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952.

Bagaimanakah warganegara yang berkahwin di luar Malaysia? Adakah mereka juga tertakluk dengan peraturan ini? Ya, bagi mereka yang mendirikan rumah tangga di

luar negara dan mengikut undang-undang perkahwinan di negara tersebut, mereka tetap perlu mendaftarkan perkahwinan semula kepada JPN sama ada melalui pejabat perwakilan Malaysia di luar negara (MALAWAKIL) atau di mana-mana pejabat JPN sebaik sahaja tiba di Malaysia dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perkahwinan. Jika pasangan tersebut lewat mendaftarkan perkahwinan di JPN, mereka akan dikenakan penalti.

Bercakap soal kelewatan pasangan mendaftarkan perkahwinan, perkara ini wajar diambil serius! Bukan sahaja kepada warganegara yang berkahwin di luar negara, malahan kepada pasangan yang melibatkan salah seorangnya bukan warganegara. Hal ini demikian kerana, jika perkara ini dibiarkan sehingga pasangan berkenaan memiliki anak, pendaftaran anak mereka sebagai warganegara akan menjadi sukar.

Umum mengetahui, setiap individu yang lahir di Malaysia, bukanlah jaminan mendapat kewarganegaraan secara automatik. Sebaliknya, keistimewaan untuk menjadi seorang warganegara itu sangat berkait rapat dengan status perkahwinan ibu bapanya semasa kelahiran itu berlaku. Janganlah disebabkan kealpaan ibu bapa, anak pula yang terpaksa menanggung akibatnya. Bak kata pepatah, lain bengkak, lain bernanah.

Kesimpulannya, perkahwinan adalah peristiwa penting dan istimewa yang berlaku sekali seumur hidup dalam diri seseorang. Justeru, pendaftaran perkahwinan bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh oleh setiap pasangan. Sehubungan dengan itu, masyarakat bukan Islam hendaklah segera mendaftarkan perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara supaya dapat menikmati kehidupan berumah tangga dengan tenang tanpa perlu risau tentang taraf kewarganegaraan keluarga.